

# Keselamatan wanita semakin terancam

B/H (12/10/2000)

**Tiada wanita yang mahu dirinya dirogol, kerana kesannya memang terbukti terlalu perit dan memalukan, seterusnya menjadi trauma sepanjang hayat**

perogol. Begitupun, tiada yang lebih buruk, selain sikap masyarakat sendiri terhadap mangsa.

Pada mata mereka, mangsa adalah wanita tidak bermoral dan sengaja menarik minat perogol. Nampaknya, golongan masyarakat seperti ini memang atau pura-pura lupa bahawa perkosaan itu adalah perhubungan seks secara paksaan yang pastinya berlaku tanpa kerelaan wanita terbabit.

Lebih menyedihkan, sikap ini wujud dan bagaimana telah berakar umbi dalam masyarakat.

Tidak dinafikan berpakaian menjolok mata dan terlalu bebas dalam pergaulan adalah dua bentuk tingkah laku yang memang boleh membawa kepada berlakunya rogol. Namun menuduh semua mangsa rogol melakukan kedua-dua perkara tadi adalah tidak adil.

Jika teori ini hendak dijadikan ukuran mutlak, bagaimana dengan kes sumbang muhrim atau lebih tepat lagi, haruan makan anak (bapa rogol anak,

abang rogol adik dan sebagainya)? Bagaimana dengan perkosaan terhadap kanak-kanak yang tidak tahu apa-apa mengenai seks?

Bagaimana pula dengan perkosaan ke atas wanita tua yang pada logik akal-nya tiada apa-apa lagi tarikan seksual atau wanita terencat akal atau wanita yang dirogol oleh perompak?

Masyarakat perlu melihat dan menangani permasalahan rogol dari pelbagai sudut supaya mampu menghasilkan tafsiran dan rasional terhadap isu ini. Percaya atau tidak, bukan semua mangsa perkosaan adalah gadis yang terlalu mudah dibawa ke sana ke mari oleh lelaki yang baru dikenali.

Ada juga kes gadis berpakaian sopan (termasuk bertudung) dirogol ketika menunggu kenderaan awam ke tempat kerja atau pulang dari mengaji al-Quran. Malah ada kes, seorang pekerja wanita sebuah pejabat diperdaya membuat kerja lebih masa bersendirian oleh majikan

lelaki yang ingin mengambil kesempatan sebelum diperkosa. Tidakkah kita sebagai manusia yang ada akal fikiran serta mampu menilai baik buruk, bera-sa malu untuk membuat tuduhan dan kesimpulan melulu tanpa menghiraukan penderitaan yang harus ditanggung oleh mangsa?

Tekanan dihadapi mangsa rogol sudah sedia berat, lebih-lebih lagi jika wanita malang itu disahkan mengandung. Dia dan ramai lagi wanita senasib tidak meminta kejadian itu menimpa dirinya, tetapi masyarakat tetap memandang serong.

Lebih malang lagi, adakalanya keluarga mangsa sendiri menyalahkan mangsa sama ada kerana mereka sendiri tidak mempercayai qada dan qadar atau boleh jadi akibat tekanan masyarakat yang memang suka menghukum tanpa usul periksa. Rasa-rasanya tiada perbuatan jenayah dalam dunia ini yang mendapat 'restu' masyarakat.

Jika kita boleh membenci pesalah lain seperti perompak, pembunuh, pengedar dadah atau pengamal rasuah, mengapa tidak perogol, yang juga dikelaskan sebagai jenayah berat seperti termaktub dalam undang-undang.

Sudah tiba masanya hukuman terhadap pesalah

kes rogol sekarang dari hanya penjara dan sebat diubah kepada hukuman mati mandatori. Ini sahaja hukuman yang paling layak untuk perogol kerana kesan yang mereka tinggalkan terhadap mangsa tidak mudah dihilangkan.

Bukan sedikit mangsa yang gila, membunuh diri atau terjebak ke dalam kegiatan maksiat kerana merasakan diri tidak suci dan tidak berguna lagi akibat perkosaan. Hukuman penjara dan sebatan terhadap perogol terlalu ringan berbanding derita dan aib serta kejian masyarakat yang terpaksa ditanggung mangsa sepanjang hayat. Perogol adalah kelompok penjenayah yang terlalu berbahaya untuk dibiarkan hidup.

Selain itu, pihak berwajib seperti polis dan institusi kesihatan (awam dan swasta) patut melakukan beberapa langkah lebih baik untuk kebajikan mangsa rogol. Pihak berkuasa hospital dan klinik pula mesti menetapkan pemeriksaan dan rawatan terhadap rogol hanya oleh doktor dan jururawat wanita, demi mengurangkan tekanan dan perasaan mangsa.